

Lelaki berjudi dalam talian di tempat awam didenda

MIRI: Seorang lelaki didenda RM2,500 atau tiga bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana bermain judi dalam talian di tempat awam.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam selepas tertuduh, Elvis Rahul Chandat, 27, dari Sungai Sebatuk, Niah mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 7 (2) Akta

Rumah Judi Terbuka 1953.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh telah ditahan pada jam 2.10 petang, 16 September lalu oleh sepasukan polis di sebuah premis di Lambir untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terlibat kegiatan perjudian

jenis judi dalam talian.

Hasil pemeriksaan lanjut yang dilakukan polis mendapati telefon bimbit milik tertuduh ada memaparkan aplikasi judi dalam talian.

Berikutan itu, tertuduh telah ditangkap dan telefon bimbitnya dirampas untuk dijadikan barang kes.

Pendakwaan kes dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.